# ASPEK ISRAILIYYAT DALAM KISAH NABI SULAIMAN A.S BERDASARKAN TAFSIRAN AL-QUR'AN

ASMADI BIN ABDUL RAHMAN

SARJANA SAINS

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

MALAYSIA

2008

PDF processed with CutePDF evaluation edition www.CutePDF.com

1100071213

Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UMT

tesis
BP 166.4 .A5 2008
1100071213
Aspek israiliyyat dalam kisah Nabi Sulaiman A.S berdasarkan tafsiran Al-Quran / Asmadi Abdul Rahman

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100071213

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

# ASPEK *ISRĀʾĪLIYYĀT* DALAM KISAH NABI SULAIMAN A.S BERDASARKAN TAFSIRAN AL-QUR'AN

ASMADI BIN ABDUL RAHMAN

Tesis Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Syarat Memperolehi
Ijazah Sarjana Sains di Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu

NOVEMBER 2008

1100071213

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

## ASPEK *ISRĀʾĪLIYYĀT* DALAM KISAH NABI SULAIMAN A.S BERDASARKAN TAFSIRAN AL-QUR'AN


ASMADI BIN ABDUL RAHMAN


November 2008

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | Dr. Ismail Bin Muhamad, PhD |
| Ahli | : | Profesor Madya Dr. Asyraf Ab. Rahman, PhD.<br>Profesor Madya Dr. Fadzli Adam, PhD.<br>Dr. Nizaita Omar, PhD. |
| Fakulti | : | Pengurusan & Ekonomi |


Kajian ini bertujuan untuk memelihara ketulenan kisah Nabi Sulaiman A.S daripada pengaruh unsur *israiliyyat* yang mencemarkan kesucian kisah baginda. Kajian ini menampilkan riwayat hidup Nabi Sulaiman A.S yang berpandukan kepada Al-Qur'an, Sunnah dan kitab-kitab yang muktabar serta bebas daripada belenggu unsur *israiliyyat*. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kajian kepustakaan dan temubual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat riwayat *israiliyyat* telah terserap dalam kisah Nabi Sulaiman A.S yang perlu diberi perhatian bagi menjaga ketulenan kisah baginda seperti *israiliyyat* dan aspek penambahan cerita, *israiliyyat* dalam pengkhususan nama dan tempat, *israiliyyat* yang melampaui keperibadian seorang nabi, serta aspek *israiliyyat* dalam penulisan moden. Selain itu, kajian ini turut mengenalpasti beberapa faktor yang menyumbang kepada tersebarnya riwayat *israiliyyat*, antaranya penerbitan buku yang bermatlamatkan keuntungan tanpa pengawalan pihak berwajib tehadap isi kandungannya. Kedua, keadaan masyarakat yang kurang mendapat

pendedahan tentang *israiliyyat* sama ada melalui ceramah atau melalui buku-buku. Faktor ketiga adalah kelemahan dalam penguatkuasaan pengawalan penerbitan buku oleh pihak berkuasa. Faktor lain yang turut menyumbang kepada isu tersebut adalah disebabkan kurangnya keprihatinan daripada golongan agama terhadap isu *israiliyyat* dalam ceramah dan penulisan mereka. Kajian ini turut membuktikan bagaimana kisah Sulaiman AS memiliki nilai-nilai pengajaran yang murni dari sudut kepimpinan, keperibadian dan sifat seorang nabi berdasarkan sumber Al-Quran dan Sunnah.